

Hukum Bermuamalat Dengan Sumber Yang Haram

ZAHARUDIN BIN MUHAMMAD

Abstrak

Kajian ini memfokuskan hukum transaksi Islam dan kontrak halal oleh industri kewangan Islam dengan individu atau syarikat yang sumber pendapatannya haram seperti memberikan pembiayaan perumahan menerusi kontrak ijarah kepada pekerja kilang arak. Hakikatnya, penasihat-penasihat syariah kewangan Islam di Malaysia mempunyai pendapat yang berbeza-beza berkenaan isu ini. Berdasarkan kepada dalil yang kuat, hasil kajian ini mendapati bahawa institusi kewangan Islam harus bermuamalat dengan individu atau syarikat yang sumber pendapatannya adalah haram, sama ada bagi tujuan umum seperti pembiayaan kereta, rumah, atau bagi tujuan khusus seperti ingin membuka perniagaan baharu yang halal seperti syarikat arak yang ingin menerokai perniagaan beras. Di samping bersandarkan dalil yang sahih, ia juga berdasarkan realiti yang ditunjukkan semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari ini. Pada masa yang sama, kajian ini menunjukkan bahawa sesuatu keuntungan sekiranya kembali kepada perniagaan haram yang boleh memberikan kesan terhadap tahap sosio-ekonomi umat Islam, maka hukumnya dilihat sebagai tidak diharuskan. Ketidakhurusan ini bukan disebabkan oleh sifat transaksi itu sendiri, tetapi disebabkan oleh faktor luaran yang boleh menyebabkan berlakunya kemudatan kepada taraf sosio-ekonomi umat Islam.

Abstract

This research focusses on Islamic transactions and halal contracts concluded by Islamic finance industry with individuals or companies which deal with prohibited sources of income from Shariah jurisprudence perspective, such as providing house financing based on ijarah contract for employees who are working at liquor factory. In reality, Shariah scholars in Malaysia have various opinions regarding this issue. Based on the strongest evidence, the Islamic finance institutions are allowed to deal with individuals or companies which are having non-halal sources of income, either for general purposes such as car financing, house financing etc or for extending new halal business such as a liquor company intending to expand their new business in rice trading. Based on the Shariah argument, it has been practiced since the time of the prophet of Muhammad SAW until today. Meanwhile, the research also shows that dealing with company which has non-halal sources of income is prohibited if the profit are returned to the same company and may result in negative effect to the socioeconomy of the Muslim. This prohibition is not caused by the prohibition of dealing with non-halal sources itself, but it is caused by external reasons which have negative effects to the socioeconomy of the Muslim.

Pendahuluan

Institusi kewangan Islam pada hari ini sebahagiannya didapati menerima wang dana yang datang daripada pihak yang sumber pendapatan yang tidak halal. Manakala sebahagiannya pula tidak menerima wang daripada sumber tersebut.

Dalam hal ini, institusi-institusi tersebut cuba menegakkan hujah dan alasan mereka terhadap isu ini. Penting untuk melakukan kajian secara *maudhui'i* (objektif) tentang isu ini bermula daripada sumbernya yang asal, iaitu mengumpulkan dalil-dalil daripada al-Quran dan sunnah. Seterusnya pandangan ulama muktabar tentang dalil-dalil berkenaan isu yang berkaitan, diteliti bagi melihat realiti pelaksanaannya pada hari ini. Justeru, hasil kajian ini diharap dapat memperlihatkan dalil-dalil

berkenaan isu yang berlaku, seterusnya meletakkan garis panduan dari segi amalan dalam industri kewangan Islam.

Definisi

‘Bermuamalat’ bermaksud membuat transaksi perniagaan, memberikan perkhidmatan dan pengambilan modal daripada sesuatu pihak. Manakala ‘sumber yang haram’ pula bermaksud, individu atau syarikat di mana sumber pendapatannya adalah haram. Kajian ini memfokuskan perbincangan bermuamalat menggunakan transaksi yang halal, tetapi sumber kepada transaksi tersebut adalah daripada aktiviti atau hasil yang haram. Sebagai contoh, membuka akaun *wadi‘ah* untuk pekerja syarikat arak, atau pekerja-pekerja bank konvensional dan sebagainya.

Tuntasnya, *ijma‘* berpandangan bahawa kontrak *wadi‘ah* adalah harus tetapi isunya ialah, sumber kepada simpanan tersebut datang daripada individu atau pihak yang sumber pendapatannya daripada pekerjaan yang haram, iaitu hasil daripada perniagaan arak.

Ini kerana keterlibatan secara langsung dalam urusan yang haram dianggap sebagai terbabit dalam perkara kejahatan dan pelanggaran perkara-perkara yang ditegah oleh syarak ataupun yang disifatkan sebagai pelanggaran sempadan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

... وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

Terjemahan:

... dan janganlah kamu tolong-menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan ...

(Surah al-Maidah (5):2)

Firman Allah SWT:

... وَلَا تَرْكَبُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ ...

Terjemahan:

Dan janganlah kamu cenderung kepada orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu ...

(Surah al-Hud (11): 113)

Ini juga berdasarkan hukum pengharaman arak yang bukan sahaja kepada peminumnya bahkan juga kepada segala aktiviti yang berkaitan dengan penghasilan, pengedaran dan penjualannya, sebagaimana sabit pada hadis yang diriwayatkan oleh al-Tarmizi dan Ibn Majah apabila Rasullullah SAW telah melaknat sepuluh golongan yang terlibat dengan arak.

Ulama kontemporari bersepakat menyatakan bahawa institusi kewangan Islam dilarang menyediakan perkhidmatan atau kemudahan kepada sesuatu urusan yang haram. Bahkan, syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak diharuskan syarak atau terlibat dalam urusan transaksi yang haram juga tidak dibenarkan membuka akaun-akaun kewangan Islam seperti akaun semasa (*current account*) atau akaun deposit (*deposit account*). Hal ini kerana, sekiranya institusi kewangan Islam membenarkan pembukaan akaun bagi aktiviti yang tidak diharuskan syarak, maka institusi tersebut boleh dianggap bersubahat atau terlibat dalam aktiviti haram tersebut. Harta haram ada yang dianggap sebagai milik kepada pengusaha haram atau sebaliknya. Harta yang haram yang tidak dimiliki bukan menjadi perbincangan kajian ini kerana ulama bersepakat tentang kewajipan memulangkan harta tersebut kepada pemilik asal.

Misalnya harta yang diperoleh dengan cara mencuri, maka ia wajib dipulangkan semula kepada pemilik asal. Jika pemilik asal tidak ditemui, maka perlu diserahkan kepada warisnya. Jika warisnya juga tidak ditemui, maka harta tersebut wajib disedekahkan.

Hukum bermuamalat dengan harta yang sumbernya haram mempunyai khilaf yang luas di kalangan fuqaha dari sudut kesahan pemilikannya, penggunaan hasil dan sama ada harta tersebut boleh dimiliki ataupun tidak setelah seseorang itu bertaubat. Harta haram yang dimiliki oleh pengusaha pekerjaan yang haram seperti pekerjaan berasaskan arak dan zina berbeza hukumnya dengan sumber haram dimiliki melalui pekerjaan merompak, menyamun dan mencuri. Harta

ini sebenarnya ialah harta haram yang masih dimiliki oleh mangsa bukannya milik kepada perompak, penyamun atau pencuri. Begitu juga hasil keuntungan daripada harta yang diperoleh melalui kegiatan rompakan, samun dan mencuri, harta-harta tersebut sebenarnya masih lagi menjadi milik mangsa. Ini disebabkan apabila perompak, penyamun atau pencuri bertaubat, dia mesti memulangkan semula semua harta tersebut kepada pemilik asal. Jika ia tidak mampu berbuat demikian, maka wajib diserahkan kepada waris atau keluarga mangsa, jika tidak mampu juga maka ia perlu menyalurkan wang tersebut kepada saluran kebajikan seperti sedekah, wakaf dan seumpamanya.

Harta haram kategori ini tidak sah untuk dijadikan modal atau dana perniagaan. Ini kerana, wang orang lain yang diserahkan tanpa izin pemilik asal dianggap sebagai *akad fudhuli*.

Bagi harta yang dimiliki menerusi sumber pekerjaan yang haram seperti bekerja di kilang arak atau berzina, ia merupakan milik pelaku pekerjaan tersebut. Imam Ibnu Taimiyah mengistilahkan harta yang haram yang menjadi milik kepada pengusahanya (pekerja) dengan mengistilahkan sebagai:

وصاحبه قد رضي بإخراجه عن ملكه بذلك .

Terjemahan:

Pemilik asal duit haram telah meredai (wangnya) tidak lagi dimiliki dengan sebab transaksi yang haram.

Ini bermakna hasil pekerjaan seseorang di kilang arak adalah harta haram yang dimiliki oleh pekerja terbabit kerana kilang arak telah meredai wang tersebut diserahkan kepada pekerja terbabit sebagai upah. Maka hasil seperti ini disifatkan sebagai harta haram yang dimiliki oleh pekerja tersebut. Perbincangan fiqh klasik di atas dapat dikaitkan dengan beberapa realiti semasa yang berlaku dalam industri kewangan Islam berkaitan dengan hukum berurusan dengan sumber pendapatan yang haram seperti berikut:

- A. Adakah institusi kewangan Islam boleh berurusan dengan institusi pekerjaan haram seperti menerima deposit *mudharabah* dan *musharakah* daripada bank konvensional?

- B. Adakah boleh meminjam dan memberikan pinjaman *qardh hasan* kepada syarikat haram seperti bank konvensional dan sebagainya?
- C. Adakah boleh diberikan pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi, pembiayaan kereta dan pembiayaan lain kepada pekerja institusi-institusi yang terlibat dalam aktiviti tidak patuh syariah seperti syarikat arak, bank konvensional, syarikat insurans konvensional dan sebagainya?

Dalam hal ini, perbincangan mengenai hukum berurusan dengan sumber yang haram dapat dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut:

- I. Individu yang sumber pendapatannya adalah haram tetapi untuk tujuan transaksi yang halal.
- II. Syarikat yang sumber pendapatannya adalah haram tetapi untuk bisnes baharu yang halal.
- III. Syarikat yang sumbernya pendapatannya haram tetapi untuk transaksi yang halal dan keuntungannya kembali semula ke syarikat yang haram.

Adakah harta yang haram boleh dimanfaatkan?

Ulama' bersepakat bahawa dari segi hukum warak dan *ihhtiyat*, sesuatu harta haram perlu dilupuskan dengan cara bersedekah dan kaedah-kaedah lain yang ditetapkan hukum syarak. Tetapi untuk dimanfaatkan oleh si pemiliknya (harta haram yang dimiliki), terdapat pendapat tentang keharusannya, sama ada dimanfaatkan ketika biasa atau ketika darurat. Umumnya kaedah memanfaatkan harta tersebut adalah bergantung kepada jenis harta haram tersebut.

- A. Harta yang haram seperti hasil pelacuran, riba dan sebagainya.

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa harta yang diperolehi secara haram seperti harta riba berubah menjadi halal dan tidak perlu dipulangkan semula kepada tuannya dan tidak wajib disedekahkan selepas bertaubat, sekalipun harta itu jelas berada di tangannya pada waktu itu. Antara yang berpendapat demikian

ialah Imam Ibnu Qayyim dan Imam Ibnu Taimiyah. Di dalam kitab Tafsir Ayat Usykilat, Ibnu Taimiyah berkata:

وتارة يقبض مع علمه بأن ذلك محرم.

Terjemahan:

Kadang-kadang orang Islam memperoleh (harta yang haram) sedangkan dia mengetahui bahawa ia adalah haram.

Beliau turut memberikan pandangan bahawa orang Islam boleh memiliki harta haram selepas bertaubat.

والكافر إذا قبضه لكونه قد تاب فالمسلم أولى بطريق الأولى، والقرآن يدل على هذا بقوله: {فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ} وهذا عام في كل من جاءه موعظة من ربه فقد جعل الله له ما سلف، ويدل على أن ذلك ثابت في حق المسلم ما بعد هذا: { يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا } فأمرهم بترك ما بقي، ولم يأمرهم برد ما قبضوه، فدل على أنه لهم مع قوله: { فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ } والله يقبل التوبة عن عباده، فإذا قيل: هذا مختص بالكافرين، قيل: ليس في القرآن ما يدل على ذلك، إنما قال: {فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ} وهذا يتناول المسلم بطريق الأولى.

Terjemahan:

Orang kafir yang masuk Islam dan bertaubat boleh memiliki harta yang haram. Oleh itu, orang Islam lebih utama untuk memilikinya (harta haram). Al-Quran memberikan petunjuk ke arah ini dengan firmanNya: "Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya". Ayat ini umum merangkumi semua manusia yang telah mendapat peringatan daripada Tuhannya dan Allah memberikan hak pemilikan kepadanya apa yang (diperoleh olehnya) pada masa lalu. Di antara dalil yang menunjukkan bahawa (maksud ayat ini) juga (sabit dan) merangkumi orang Islam

(dan bukan sahaja orang bukan Islam) ialah ayat selepas itu (yang berbunyi): “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu”.(Dalam ayat ini) Allah memerintahkan supaya tidak menuntut saki baki riba (yang ada di tangan penghutang) dan ayat ini tidak memerintahkan supaya memulangkan apa yang telah diperoleh. Dalil yang menunjukkan bahawa perolehan lepas adalah miliknya ialah firman Allah SWT: “Maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya”. Jika ada yang berkata bahawa: ayat ini khusus kepada golongan kafir yang masuk Islam, maka (kenyataan ini dijawab): tidak ada ayat yang menunjukkan (pengkhususannya kepada kafir yang masuk Islam). Bahkan Allah berfirman: “Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya”. Ayat ini lebih utama untuk merangkumi orang yang Islam.¹

Sekalipun Ibnu Taimiyah dalam Majmu' Fatawa mempunyai dua pendapat yang bertentangan iaitu yang pertama wajib disedekah atau dipulangkan harta yang diperolehi secara harta haram kepada tuannya, menurut pandangan kedua beliau di dalam kitab yang sama, beliau menyatakan pengusaha boleh memiliki hasil haram tersebut. Dalam kitab Tafsir Ayat Usykilat, beliau turut menegaskan harta haram boleh dimiliki oleh pengusahanya sebagaimana yang dinyatakan dalam Majmu' Fatawa. Ijtihad beliau dalam tafsir tersebut dianggap sebagai pendapat muktamad Ibnu Taimiyah kerana kitab tafsir tersebut ditulis selepas kitab Majmu' Fatawa, bahkan ia dianggap sebagai kitab karangan beliau yang terakhir yang ditulis di penjara Qal'ah di Damsyik sebagaimana yang difahami daripada tulisan Ibnu Al-Hadi di dalam kitab 'Uqud al-Durriyyah.²

B. Hukum keuntungan daripada modal harta yang haram.

Sebagai contoh, seseorang merompak wang sebanyak RM10,000.00. Kemudian RM10,000.00 ini diniagakan sekian lama secara halal sehingga keuntungannya bertambah menjadi RM25,000.00. Jika

ia bertaubat, maka ijmak menyatakan bahawa RM10,000.00 tersebut mesti dipulangkan kepada mangsa, jika tidak mampu, maka dipulangkan kepada keluarganya, jika tidak mampu, maka ia mesti disedekahkan.

Tetapi timbul persoalan, adakah keuntungan sebanyak RM15,000.00 yang diperolehi daripada wang haram (hasil rompakan) RM10,000.00 boleh diambil oleh perompak atau ia perlu dipulangkan kepada mangsa rompakan atau ia mesti disedekahkan? Ulama berselisih pendapat tentang hukum pemilikan hasil keuntungan atau perolehan daripada modal yang haram kepada empat pendapat:

- i. Mazhab Hanafi³ dan satu riwayat daripada Imam Ahmad⁴: Untung dan perolehan tersebut tidak boleh dimiliki oleh perompak dan orang yang dirompak, bahkan ia wajib diderma dan disedekahkan.
- ii. Mazhab Maliki⁵: Jika hasil tersebut terhasil melalui usaha daripada perompak seperti perompak memperniagakannya, maka perompak tersebut berhak memiliki hasil tersebut. Jika hasilan itu terjadi dengan sendiri tanpa usaha daripada perompak tersebut seperti susu yang banyak yang keluar daripada lembu yang dirompak, maka ia dimiliki oleh mangsa rompakan. Tetapi mazhab Maliki berpendapat bahawa, hasil itu tidak boleh dimiliki sehinggalah ia memulangkan jumlah asal rompakan kepada mangsa.⁶
- iii. Mazhab Syafi'i⁷ dan Hanbali⁸: Keuntungan dan pulangan itu menjadi milik mangsa, bukan milik perompak.
- iv. Satu riwayat daripada Imam Ahmad⁹ yang *ditarjihkan* oleh Ibnu Taimiyah¹⁰ dan Ibnu Qayyim¹¹: Hasil tersebut dimiliki bersama oleh perompak dan mangsa rompakan secara *musyarakah*.

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas jelas bahawa hasil yang haram tidak perlu dilupuskan dengan cara bersedekah sahaja tetapi pengusahanya boleh mengambil hasil tersebut. Jika kekhilafan ini boleh berlaku bagi harta haram yang tidak dimiliki (harta hasil rompakan

kerana pada asalnya ia merupakan milik mangsa), maka harta haram yang dimiliki oleh sesiapa sahaja adalah lebih utama untuk dikiaskan. Bahkan pendapat yang menyatakan bahawa hasil daripada harta yang haram boleh dimiliki sebagaimana pendapat mazhab Maliki dan sebahagian mazhab Hanbali termasuk satu riwayat daripada Imam Ahmad adalah bersandar kepada nas yang kuat.

Antaranya ialah tindakan Saidina Umar terhadap dua anaknya Ubaidillah dan Abdullah,¹² di mana Abu Musa Al-Asyari memberikan pinjaman kepada kedua-duanya sebanyak 200 ribu dirham daripada harta *fai'*. Wang itu telah berkembang sehingga menjadikan jumlahnya sebanyak 800 ribu dirham. Apabila Saidina Umar mendapat tahu, beliau mengarahkan keseluruhan wang itu dipulangkan ke baitulmal dengan alasan harta itu diperolehi secara tidak benar kerana harta *fai'* adalah harta orang ramai yang tidak boleh dimiliki secara khusus oleh kedua-duanya. Anaknya Ubaidillah berkata kepada ayahnya Saidina Umar: "Harta ini tidak halal buat engkau (untuk dipulangkan ke baitulmal keseluruhannya), kerana jika harta ini mengalami kemerosotan atau rosak (atau hilang semasa berada di tangan kami), maka kami wajib menggantikannya. Kenapa kami diwajibkan menanggung ganti rugi (jika hilang atau merosot) sedangkan kami tidak boleh memiliki hasil keuntungannya (apabila ia berkembang)? Saidina Umar tergamam sebentar apabila mendengar kata-kata anaknya. Sebahagian sahabat memberikan cadangan kepada Saidina Umar supaya keuntungan itu dibahagikan berasaskan *mudharabah*, di mana keuntungannya dibahagi dua antara anak-anak Saidina Umar dan baitulmal. Akhirnya Saidina Umar bersetuju dengan pandangan ini.

Kisah ini diambil iktibar oleh golongan fuqaha justeru keputusan Saidina Umar tadi disokong oleh sahabat yang lain.¹³ Ia boleh dianggap sebagai ijmak para sahabat tentang keharusannya. Oleh itu, berdasarkan huraian di atas, terdapat pandangan dalam Mazhab Maliki yang mengharuskan bermuamalah atau mengambil harta yang haram. Ini membuktikan bahawa hasil daripada sumber yang haram bukanlah haram digunakan secara mutlak, bahkan ia boleh digunakan mengikut dan mestilah berpandukan kepada garis panduan tertentu.

I. Individu yang sumber pendapatannya adalah haram tetapi untuk tujuan transaksi yang halal

Sememangnya hasil yang diperoleh daripada sumber yang haram adalah haram sekalipun perbuatannya mungkin dikategorikan halal. Perbuatan atau pekerjaan yang halal apabila secara langsung menyumbang kepada wujudnya transaksi atau perbuatan haram maka hukumnya juga adalah haram seperti individu-individu yang mendapat pendapatan daripada sumber yang haram seperti bekerja di syarikat arak, syarikat judi, bank konvensional dan syarikat insurans konvensional.

Sebagai contoh, pemandu lori yang bekerja di syarikat arak, tugasnya adalah untuk menghantar arak ke serata tempat. Meskipun kerja memandu itu asalnya adalah halal, namun begitu, hukumnya bertukar menjadi haram disebabkan perkhidmatan tersebut secara langsung menyumbang kepada sesuatu yang haram. Pada masa yang sama, hasil usaha dan kerjanya yang haram tadi ingin dilibatkan dalam institusi kewangan Islam, seperti membuka akaun peribadi, memohon pembiayaan rumah, pembiayaan kereta, melabur dalam akaun pelaburan Islam dan seumpamanya. Persoalan di sini ialah, adakah harus atau tidak wang perolehan tersebut dijadikan dana oleh institusi kewangan Islam? Haruskah bank memberikan pembiayaan seperti pinjaman perumahan kepada individu yang bekerja di syarikat arak? Dalam hal ini terdapat dua pendapat di kalangan penasihat-penasihat syariah berkenaan hukum menerima dana daripada individu yang sumbernya adalah haram.

Pandangan yang mengatakan harus bermuamalat dengan sumber yang haram

Sebahagian besar institusi kewangan Islam dan penasihat-penasihat syariah khususnya di Timur Tengah berpendapat ia adalah harus.¹⁴ Sebahagian besar golongan yang mengharuskan ini bukan sahaja mengharuskan bermuamalat dengan individu yang sumber pendapatannya haram bagi tujuan umum mereka, tetapi juga mengharuskan institusi kewangan Islam bermuamalat dengan syarikat-syarikat haram khususnya institusi

keuangan konvensional, dalam dan luar negara Islam. Antara dalil pendapat pertama ini ialah Al-Quran, sunnah, *qiyas* dan akal.

a. Al-Quran, iaitu Firman Allah SWT:

... وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ...

Terjemahan:

... dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja) ...

(Al-An'am (6):164)

Ayat ini menunjukkan bahawa, pekerjaan pertama yang haram tidak boleh dikaitkan dengan pekerjaan yang kedua yang halal iaitu *mudharabah*, *salam* dan seumpamanya yang tidak ada kaitan secara langsung dengan pekerjaan haram yang pertama seperti riba, arak dan seumpamanya.¹⁵ Oleh itu, kesalahan hasil pekerjaan pertama yang haram (iaitu pekerjaan riba, arak dan sebagainya) tidak boleh disabitkan dengan pekerjaan yang kedua yang halal iaitu penglibatan dalam pelaburan yang halal seperti *mudharabah* dan *musharakah*

Garis pemisahan antara kerja pertama dengan kerja yang kedua ialah kontrak kerja yang pertama tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan kontrak kerja yang kedua. Oleh itu, sumber kepada deposit yang haram seperti deposit daripada pekerja kilang arak, deposit daripada pekerja bank riba boleh diterima kerana sumber haram tersebut berlaku sebelum permulaan kontrak baharu yang halal, iaitu menerima modal *mudharabah*, *wadi'ah yad dhamanah* dan seumpamanya. Dengan kata lain, permulaan kontrak transaksi yang halal sehinggalah kepada pengakhiran kontraknya tidak dimasuki unsur-unsur yang haram. *Mudharabah* sebagai contoh, bermula daripada ikatan kontrak menerima modal sehinggalah kepada pengagihan keuntungan hendaklah tidak dimasuki unsur haram. Jika ada unsur haram yang melibatkan transaksi lain sebelum kontrak, atau selepas tamatnya kontrak, ia dianggap sebagai dosa dan kesalahan orang lain yang tidak boleh dikaitkan dengan kontrak yang halal tadi.

- b. Sunnah, iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a.:

أُهْدِيَ لِبَرِيرَةَ لَحْمٌ فَدَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْبُرْمَةُ عَلَى النَّارِ فَدَعَا بِطَعَامٍ فَأَتَيْتُ بِخُبْزٍ وَأُدْمٍ مِنْ أَدَمِ الْبَيْتِ فَقَالَ أَلَمْ أَرِ بُرْمَةً عَلَى النَّارِ فِيهَا لَحْمٌ فَقَالُوا بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ لَحْمٌ تُصَدَّقُ بِهِ عَلَى بَرِيرَةَ فَكْرِهْنَا أَنْ نَطْعَمَكَ مِنْهُ فَقَالَ هُوَ عَلَيْهَا صَدَقَةٌ وَهُوَ مِنْهَا لَنَا هَدِيَّةٌ

Terjemahan:

Barirah telah diberikan daging. Rasulullah SAW datang dan bekas masakan berada di atas dapur. Lalu Nabi Muhammad SAW dihadirkan dengan roti dan lauk yang sedia ada di rumah (tanpa daging tersebut). Rasulullah SAW bertanya: "Bukankah tadi saya melihat ada bekas masakan di atas dapur yang di dalamnya ada daging?" Mereka menjawab: "Ya, ada wahai Rasulullah. Daging (itu ialah daging) yang disedekahkan kepada Barirah. Kami rasa tidak senang untuk memberikan daging tersebut kepada kamu (kerana Baginda tidak harus menerima sedekah). Lalu Nabi SAW menjawab: Pemberiannya kepada Barirah ialah sedekah, dan pemberian Barirah kepada kita ialah hadiah.¹⁶

Hadis ini menunjukkan bahawa, perubahan pemilikan turut membawa kepada perubahan hukum sekalipun *'ain* (daging) adalah sama.¹⁷ Dengan kata lain, sepatutnya daging sedekah yang diberikan kepada Barirah haram dimakan oleh Nabi Muhammad SAW kerana Nabi diharamkan menerima dan memakan sedekah. Tetapi, hakikatnya daging tersebut sudah berubah milik daripada Barirah kepada Nabi Muhammad SAW, dan pemindahan milik ini seumpama kontrak kedua (hadiah Barirah kepada keluarga Nabi Muhammad SAW) yang tiada kena-mengena dengan kontrak pertama (sedekah kepada Barirah). Justeru, Nabi Muhammad SAW menyangkal sangkaan isterinya bahawa daging tersebut haram dimakan oleh Nabi kerana ia daging sedekah. Sebaliknya apabila daging tersebut berpindah milik daripada Barirah kepada keluarga Nabi maka ia dinamakan hadiah.

Sebagai tambahan, perbezaan antara sedekah dan hadiah ialah sedekah diberikan kepada golongan miskin kerana kemiskinannya, manakala hadiah diberikan atas dasar persahabatan dan ukhuwwah, bukan kerana kasihan dan seumpamanya. Berpandukan hadis ini, perpindahan wang haram yang dimiliki oleh pekerja bank konvensional, pekerja di kilang arak atau seumpamanya menjadikan hukumnya berubah setelah pemilikannya berpindah melalui kontrak baharu seperti deposit modal mudharabah dan seumpamanya.

c. Kaedah fiqh

Daripada hadis di atas, mazhab Hanafi meletakkan kaedah yang berbunyi:

تبدل الملك موجب لتبدل العين حكما مع أن العين واحد .

Terjemahan:

*Perpindahan milik memestikan perubahan 'ain dari sudut hukum sekalipun 'ainnya adalah sama.*¹⁸

Kaedah ini bermaksud, sekalipun pemilikan awalnya adalah haram kerana sumbernya adalah haram, tetapi dengan perubahan milik sesuatu 'ain menjadikan hukumnya berubah sekalipun 'ainnya adalah sama. Tuntasnya, tidak dinafikan sumber kepada pekerjaan di syarikat judi, syarikat arak, syarikat riba dan seumpamanya adalah haram dari sudut syariat. Tetapi apabila duit yang haram tadi bertukar milik seperti diserahkan duit tadi kepada seorang penjual kerana membeli barang, atau diserahkan kepada peniaga untuk memesan barangan (akad salam), atau diserahkan kepada pekerja untuk diusahakan (mudharabah), maka hukumnya kontrak-kontrak tersebut adalah halal kerana pemilikannya sudah bertukar tangan.

Dalam hal ini, kaedah tadi membawa maksud bahawa sekalipun 'ain (iaitu wang) ialah wang yang sama, tetapi ia tetap berubah menjadi halal disebabkan pertukaran tangan. Di dalam kitab *Talwih* ada disebutkan:

أَنَّ حُكْمَ الشَّرْعِ عَلَى الشَّيْءِ بِالْحِلِّ ، وَالْحُرْمَةِ ، وَغَيْرِهِمَا يَتَعَلَّقُ بِذَلِكَ
الشَّيْءِ مِنْ حَيْثُ إِنَّهُ مَمْلُوكٌ لَا مِنْ حَيْثُ الذَّاتِ

Terjemahan:

*Dan sesungguhnya syariat menghukumkan sesuatu sebagai halal, haram dan seumpamanya sebenarnya tertakluk kepada pemilikan, bukan kepada zatnya.*¹⁹

Ini bermaksud, duit riba yang dimiliki oleh seseorang, sebenarnya pengharamannya adalah dari sudut cara pemilikannya (diperoleh secara riba), bukan zat duit itu sendiri. Oleh itu, apabila zat duit itu berpindah tangan, maka ia kembali kepada hukum asal, iaitu halal. Kaedah ini mempunyai hubungan kait dengan ayat di atas, iaitu pemilik kedua yang memperoleh wang pemilik pertama yang haram tidak menanggung dosa pemilik yang pertama kerana ia tiada hubung kait secara langsung dengan usaha pemilikan pihak pertama.

d. Qiyas

Keharusan bermuamalat dengan pihak yang pendapatannya daripada sumber yang haram dikiaskan kepada keharusan bermuamalat dengan golongan bukan muslim di dalam dan di luar negara Islam. Jika bermuamalat dengan seseorang yang sumbernya adalah haram, nescaya seseorang muslim tidak diharuskan berurus niaga dengan bukan muslim yang berniaga arak atau khinzir di dalam atau di luar negara Islam disebabkan sumber pendapatannya adalah haram. Setakat kajian ini, sebenarnya tiada larangan yang disebutkan di dalam kitab fekah yang dikenakan ke atas seseorang muslim bermuamalat dengan golongan bukan muslim sekalipun jelas sumber mereka adalah haram.

e. Akal

Meletakkan syarat mengambil deposit untuk kontrak *wadi'ah* atau *mudharabah* atau seumpamanya bererti menambah syarat yang baharu yang tidak pernah pun disebut dan diletakkan oleh mana-mana ulama di dalam kitab-kitab fekah dahulu dan sekarang.

Sebagai contoh, apabila kita melihat syarat modal (*ra's al-mal*) di dalam bab mudharabah, syarat sumber wang mestilah halal tidak dinyatakan di dalam bab ini.

Jika bermuamalat dengan seseorang yang haram sumber pendapatannya tidak dibenarkan sama sekali, maka wang dan harta yang haram akan bertambah dan yang halal semakin mengecil dan mengucup. Ini kerana, wang halal semestinya boleh berubah menjadi haram seperti seseorang penternak ayam melaburkan hasil ternakannya dalam perniagaan khinzir.

Apabila hasil yang haram tadi tidak akan dapat dibersihkan sama sekali, ini akhirnya akan menjadikan duit dan harta haram semakin banyak, manakala duit dan harta yang halal semakin sedikit. Nescaya harta orang yang baharu masuk Islam pun tidak akan dapat dibersihkan selepas mereka masuk Islam. Justeru, ayat dan kaedah yang dinyatakan sebelum ini memberikan ruang kepada harta yang haram untuk dibersihkan semula di samping duit yang halal juga boleh berubah menjadi haram.

Pandangan yang tidak mengharuskan bermuamalat dengan sumber yang haram

Selain itu, terdapat pendapat yang tidak mengharuskan bermuamalat dengan golongan yang sumber pendapatannya haram seperti menerima dana pelaburan, deposit dan seumpamanya daripada golongan atau syarikat yang sumbernya tidak halal. Antara dalil pendapat yang kedua ini adalah seperti berikut:

- a. Mengelakkan daripada terjebak dalam perkara yang haram. Firman Allah SWT:

... وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

Terjemahan:

... dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan ...

(Surah al-Maidah (5):2).

Jika pihak pengusaha menerima wang daripada golongan di atas untuk diniagakan atau dikembangkan, ini bermaksud pihak pengusaha turut terlibat dengan kemaksiatan dan dosa. Perkara ini dilarang berpandukan firman Allah SWT di atas.

Berdasarkan kepada situasi golongan yang sumber pendapatannya haram yang telah dijelaskan sebelum ini, jika institusi kewangan Islam tidak menerima wang mereka, secara tidak langsung aktiviti yang haram akan berkembang. Ini berlaku apabila wang mereka tidak diterima oleh institusi kewangan Islam, maka mereka akan pergi kepada kewangan konvensional. Sekiranya perkara ini berlaku, ia akan menyumbang kepada kewujudan dua perkara haram iaitu:

- i. menjadikan pelanggan (golongan yang sumber pendapatannya haram) terlibat dengan riba apabila institusi kewangan Islam tidak menerima wang mereka. Penolakan ini sebenarnya menjadi sebab peserta tadi akan terlibat dengan perbankan riba sedangkan ia boleh mengelaknya dengan menyertai institusi kewangan Islam, dan
- ii. menguatkan lagi perbankan riba melalui dana-dana yang bersumberkan haram tadi. Ini akan menyumbang kepada perkembangan dana institusi kewangan konvensional. Sikap institusi kewangan Islam dengan fatwa haram ini, secara langsung atau tidak langsung, akan membantu mempertingkatkan dana bank konvensional itu sendiri.

Kesannya, menolak penglibatan mereka dalam institusi kewangan Islam secara mutlak akan membantu perkembangan perkara yang haram, melebihi membantu mereka dengan menerima deposit dan sebagainya (jika diandaikan benar pendapat yang berpendapat demikian).

- b. Gesaan Al-Quran supaya sumber pendapatan adalah halal dan baik (طَيِّبًا).

Ini berpandukan kepada firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوٰتِ الشَّيْطٰنِ
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِيْنٌ

Terjemahan:

Wahai sekalian manusia! makanlah apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu.

(Surah al-Baqarah (2):168)

Ayat ini menggesa supaya orang ramai memakan harta yang halal dan baik. Disebabkan harta yang bersumberkan haram adalah harta yang tidak baik, maka sayugia untuk tidak dibenarkan mengambilnya sebagai deposit dan sebagainya daripada sumber yang tidak baik, sebagai menyahut seruan ayat di atas.

Hujah ini dijawab: maksud halal dan baik di dalam ayat ini ialah, suci, bersih dan tidak diharamkan. Ini sebagaimana yang ditafsirkan oleh ulama tafsir seperti tafsir Al-Tabari²⁰ dan sebagainya. Selagi mana syariat membenarkan untuk bermuamalat dengan golongan yang bersumberkan pendapatan yang haram bagi tujuan dan transaksi yang halal, maka selama itu ia masih dianggap sebagai halal dan baik (*tayyiban*).

c. Bersikap warak dan *ihtiyat*.

Hujah ketiga golongan yang mengharamkan adalah untuk bersikap wara' dan *ihtiyat*, iaitu cuba menjauhi perkara yang syubhah dan meragukan. Sabda Rasulullah SAW:

فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

Terjemahan:

*Sesiapa yang menjaga (menjauhi) perkara syubhah (kesamaran), maka ia telah menyelamatkan agama dan maruahnyanya. Dan sesiapa yang terjatuh di dalam (melakukan) perkara syubhah, sama seperti ia terjatuh di dalam (melakukan) perkara yang haram.*²¹

Hujah ini dijawab dari dua sudut:

- i. Menerima dana dari sumber yang tidak halal diharuskan dengan jelas oleh nas yang telah disebutkan di atas. Justeru itu, ia tidak termasuk di dalam kategori syubhah yang dimaksudkan oleh hadis.
- ii. Golongan kedua yang tidak bersetuju mengambil pendekatan membenarkan beralaskan *ihtiyat*, iaitu bimbang menghalalkan perkara yang diharamkan oleh Syariat. Tetapi sebenarnya, realiti ini berada di dua persimpangan, iaitu bimbang menghalalkan perkara yang diharamkan oleh Syariat dan bimbang mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh Syariat. Bila berada di dua persimpangan ini, maka berhati-hatilah dengan menghalalkan lebih utama dan lebih baik daripada berhati-hatilah mengharamkan. Ini berdasarkan kaedah: *Tersalah di dalam menghalalkan yang haram lebih baik daripada tersalah di dalam mengharamkan yang halal.*²²

Tarjih

Setelah meneliti dalil-dalil yang berkaitan sebagaimana yang disebutkan di atas, maka adalah harus untuk institusi kewangan Islam bermuamalat dengan individu yang sumber pendapatannya haram. Ini berdasarkan kepada alasan berikut:

- a. Berdasarkan dalil yang kuat yang dikemukakan oleh golongan pertama yang mengharuskan.
- b. Bertujuan mengelakkan daripada memberikan sumbangan secara tidak langsung kepada perkembangan dana institusi kewangan konvensional dengan sikap institusi kewangan Islam yang tidak menerima dana daripada sumber yang tidak halal (sedangkan ia tidak dilarang oleh nas).
- c. Dalil-dalil mereka yang mengharamkan secara mutlak ialah dalil umum manakala dalil yang mengharuskan ialah dalil yang khusus. Sesuatu yang umum sekalipun dengan ribuan dalil, apabila datang satu sahaja dalil yang khusus, maka hukumnya akan berbeza.

Apabila sesuatu perkara sudah dikhususkan dengan sesuatu dalil, maka ia tidak boleh diumumkan semula dengan dalil-dalil umum.

Sebagai contoh, jahalah ialah satu elemen yang dilarang di dalam muamalat Islam. Kewujudan jahalah di dalam sesuatu transaksi menjadikannya haram. Memesan barangan tanpa menetapkan sifatnya, menempah barang tanpa ditentukan harganya, membeli barangan yang tidak wujud pada waktu akad dan seumpamanya adalah diharamkan justeru terdapat jahalah. Tetapi hukum jahalah dikecualikan dalam isu keuntungan mudharabah bahkan jahalah diwajibkan dalam bab ini. Justeru itu, tidak boleh digunakan alasan 'mengelakkan jahalah', iaitu dalil umum dalam bab muamalat untuk diaplikasikan dalam kes mudharabah bagi membolehkan pekerja (bank) menjanjikan keuntungan *up-front*.

Contoh lain ialah *istisna'* dan *salam*. Banyak hadis melarang orang berjual beli sesuatu yang tidak wujud sewaktu akad berlangsung. Ini ialah kaedah umum yang digunakan dalam muamalat. Tetapi cukup dengan satu dalil yang kuat mengharuskan jual beli secara *istisna'* dan *salam* sekalipun barang atau *subject matter* tidak wujud sewaktu akad *istisna'* dan *salam* itu dibuat. Maka dalam keadaan *subject matter* tidak wujud, tidak boleh menggunakan hujah bersandarkan kepada sabda Nabi Muhammad SAW: "Jangan kamu jual sesuatu yang kamu tidak ada" untuk mengharamkan *istisna'* atau *salam*.

Sama juga dalam isu ini, dalil yang dikemukakan oleh golongan yang tidak membenarkan secara mutlak bermuamalat dengan individu yang sumber pendapatannya haram adalah dalil umum berkaitan penglibatan secara langsung orang Islam yang melakukan pekerjaan yang haram. Sememangnya melakukan perkara yang halal tetapi ia bersifat khidmat secara langsung kepada perkara yang haram, membantu transaksi yang haram dan seumpamanya adalah cukup jelas pengharamannya. Tetapi ini adalah hukum asal yang umum berdasarkan dalil yang umum. Tetapi bermuamalat dengan transaksi yang halal dengan golongan yang mempunyai sumber pendapatan yang haram mempunyai dalil-dalilnya tersendiri.

Sekalipun hanya terdapat satu dalil sahaja yang sahih dan kuat yang mengharuskan bermuamalat dengan pihak yang jelas sumbernya

haram, dalil tersebut sudah cukup untuk mengecualikan hukum tersebut daripada larangan umum terhadap transaksi dengan harta yang haram. Apabila keharusan itu sudah dikhususkan dengan dalil yang khusus seperti Nabi Muhammad SAW dan para sahabat pernah bermuamalat dengan golongan yang sumbernya haram, maka tidak boleh diharamkannya dengan menggunakan dalil yang umum seperti hadis yang melaknat 10 orang yang terlibat dengan arak kerana ialah dalil-dalil penglibatan dengan aktiviti haram secara langsung. Kaedah ada menyebut:²³

الخاص إذا عارض العام يخصصه .

Terjemahan:

Dalil khas apabila bertembung dengan dalil am, maka ia akan mengkhususkannya.

Dalam kaedah usul, sesuatu yang umum apabila dikhususkan dengan dalil, maka ia tidak boleh diumumkan semula dengan dalil khusus tersebut. Berdasarkan alasan-alasan di atas, maka didapati pendapat pertama yang mengharuskan ialah pendapat yang kuat bersandarkan kepada dalil berbanding dengan pendapat kedua yang tidak mengharuskan.

II. Syarikat yang sumbernya haram tetapi untuk bisnis baharu yang halal

Syarikat yang haram bermaksud syarikat yang melakukan operasi yang bercanggah dengan syariat, seperti syarikat pengeluaran arak, syarikat pengedaran arak, syarikat judi, bank konvensional dan seumpamanya. Syarikat tersebut yang haram sumber pendapatannya ingin melebarkan sayapnya kepada perniagaan baharu yang halal. Contohnya untuk syarikat yang terlibat dalam industri arak, dari sudut hukumnya, pendapatannya sememangnya haram. Dengan pendapatan tersebut, mereka ingin membuat bisnis baharu yang halal, seperti mengedar beras, bawang dan sebagainya. Hasil keuntungan daripada bisnis baharu yang halal sama ada diisytiharkan untuk diasingkan antara akaun bisnis pertama yang haram dengan akaun bisnis baharu yang halal atau

tidak diisytiharkan untuk diasingkan antara akaun bisnes pertama yang haram dengan akaun bisnes baharu yang halal.

Andai kata kos untuk membuka bisnes baharu ialah RM2 juta, tetapi syarikat hanya mampu menyediakan sebanyak RM1.5 juta. Oleh itu, syarikat tersebut memohon pinjaman sebanyak RM500 ribu daripada institusi kewangan Islam. Maka persoalannya dalam kes ini ialah, adakah harus Institusi kewangan Islam memberikan pembiayaan sebanyak RM500 ribu bagi mencukupkan modal syarikat haram tersebut untuk menjalankan bisnes baharu yang halal?

Pandangan dan hujah

Terdapat tiga pendapat penasihat-penasihat syariah berkenaan syarikat yang sumbernya haram dan berhasrat untuk melebarkan perniagaan dalam perniagaan yang halal seperti berikut:

Pendapat pertama: pendapat yang membolehkan sumber yang haram sama ada daripada individu atau syarikat tanpa membezakan antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perbincangan di atas. Pendapat kedua: pendapat yang sama seperti dalam huraian di atas iaitu pendapat yang mengharamkannya secara mutlak. Pendapat ketiga: iaitu pendapat yang membezakan antara individu dan syarikat, di mana individu yang sumbernya haram dibolehkan bermuamalat manakala syarikat yang sumbernya haram tidak boleh bermuamalat dengannya apabila tidak diisytiharkan pengasingan akaun keduanya.

Pendapat yang ketiga ini menyatakan bahawa jika pihak syarikat tersebut mengisytiharkan bahawa akaunnya akan diasingkan daripada perniagaan yang haram, maka ia dibolehkan. Dalil pendapat ini sepertimana berdasarkan kepada hujah dalam huraian yang pertama. Bagi situasi syarikat yang haram sumbernya yang tidak mengisytiharkan pengasingan akaun bisnes yang halal dengan yang haram, pendapat ini berpandangan bahawa berkemungkinan hasilnya akan dimasukkan ke dalam akaun yang haram disebabkan oleh individu yang sama adalah pemilik kepada syarikat yang haram.

Hujah pendapat ketiga ini dijawab sebagaimana jawapan kepada hujah golongan kedua dalam huraian pertama. Iaitu perbuatan atau *tasarruf* terhadap keuntungan yang diperolehnya tidak lagi ditanggung oleh pihak institusi kewangan Islam justeru ia sudah di luar daripada kontrak. Tambahan pula, penggunaan hasil keuntungan bagi membantu syarikat yang haram adalah sesuatu yang tidak pasti, maka penyelidikan tentang penggunaan tersebut adalah tidak diwajibkan, sebagaimana hukum *mudharabah* dengan golongan bukan muslim, sama ada di luar atau di dalam negara Islam.

Tarjih

Pandangan pertama yang menyatakan harus ialah pandangan yang kuat berdasarkan alasan berikut:

- a. Sama seperti *pentarjihan* dalam huraian pertama.
- b. Dalam fiqh Islam, penubuhan sesuatu syarikat pada hari ini dikatogerikan dalam status individu atau dikenali sebagai *syakhsun i'tibari*. Justeru, hukumnya adalah sama sahaja dengan hukum individu sekalipun operasinya dalam bentuk syarikat dalam konteks moden pada hari ini. Oleh itu, hujah untuk membezakan antara status individu dengan entiti syarikat perniagaan adalah ditolak.
- c. Dalam kes ini, resolusi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia terpakai bukan sahaja untuk tidak perlu menyelidiki sumber dana pelanggan, bahkan tidak wajib menyelidiki ke manakah hasil yang halal itu akan digunakan oleh pihak pelanggan. Resolusi BNM berbunyi:

“Majlis pada mesyuarat ke 58 pada 27 April 2006 bersamaan 28 Rabiulawal 1427 telah memutuskan bahawa institusi kewangan Islam secara umumnya diharuskan untuk menerima permohonan bagi meletakkan deposit atau dana pelaburan daripada pelanggan individu atau syarikat korporat tanpa perlu menyelidiki sama ada sumber dana pelanggan adalah halal, haram atau bercampur antara halal dengan haram.”²⁴

- d. Tambahan pula jika institusi kewangan Islam secara mutlak tidak dibenarkan menerima deposit daripada syarikat-syarikat haram,

maka juga sepatutnya tidak dibenarkan bank konvensional menubuhkan *window* Perbankan Islam dengan dana mereka yang haram, kerana bank konvensional juga ialah syarikat yang asas operasinya adalah haram, iaitu riba. Jika berurusan dengan syarikat yang haram adalah haram manakala bank Islam yang induknya konvensional adalah halal, ini bersifat *al-tafriq baina al-mujtami'at*, iaitu membeza-bezakan antara dua perkara yang mempunyai *illat* yang sama. Ini bercanggah dengan konsep *wahdah al-syari'at* yang menjadi ciri penting syariat Islam. Tetapi hakikatnya, dalil lebih cenderung kepada keharusan bagi muamalat Islam untuk mengambil sumber yang asalnya adalah haram bagi tujuan yang halal dan bersih sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini.

III. Syarikat yang sumbernya pendapatannya haram tetapi untuk transaksi yang halal dan keuntungannya kembali semula ke syarikat yang haram.

Syarikat yang haram sumber pendapatannya ingin terlibat dengan transaksi dan operasi halal institusi kewangan Islam seperti melabur dalam pelaburan *mudharabah*, *musyarakah*, simpan-menyimpan, pinjam-meminjam, *forex* dan seumpamanya. Perbezaan antara isu ini dengan isu kedua yang dinyatakan di atas ialah keuntungan syarikat dalam isu kedua tidak semestinya kembali semula ke akaun syarikat tersebut, manakala dalam hal ini, keuntungan daripada transaksi halal tersebut akan kembali semula kepada syarikat haram. Seterusnya ia akan membantu syarikat tersebut dalam mengoperasikan perkara yang haram. Contohnya, apabila sesuatu syarikat haram ingin mendeposit wang mereka di dalam akaun *mudharabah* atau *musharakah* atau seumpamanya. Adakah perkara ini dibolehkan justeru keuntungan daripada *mudharabah* atau *musyarakah* secara pasti akan kembali semula kepada syarikat haram tersebut, seterusnya membantu operasi haramnya?

Pandangan dan hujah

Terdapat dua pendapat berkenaan dengan isu keterlibatan syarikat yang sumbernya haram di dalam transaksi yang halal sebagaimana berikut:

Pendapat pertama: sebahagian besar ulama semasa berpendapat bahawa institusi kewangan Islam harus bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional dengan syarat, transaksi tersebut mestilah transaksi yang halal.²⁵ Pendapat ini ialah pendapat sebahagian besar institusi-institusi kewangan Islam di Timur Tengah seperti Kuwait Finance House, *Hai'ah Kibaar al-Ulama di Saudi, Accounting and Auditing Organisation of Islamic Financial Institutions* (AAOFFI) dan sebagainya.

Penasihat Syariah Kuwait Finance House telah diminta untuk memberikan fatwa mengenai isu menandatangani wang di bank konvensional tanpa riba. Penasihat Syariah Kuwait Finance House menyatakan:

“Sekalipun saya tidak suka bermuamalat dengan bank riba (konvensional) walaupun muamalat itu muamalat tanpa riba, tetapi disebabkan *umum al-balwa* dan keperluan masyarakat untuk bermuamalat dengan bank tersebut maka saya membenarkan. (Oleh itu), tidak mengapa untuk meminjamkan kepada mereka dengan *qardh al-hasan* dan meminta pinjaman dengan mereka juga dengan *qardh al-hasan* sebagai galakan kepada mereka untuk bermuamalat dengan muamalat tanpa riba.”²⁶

Hai'ah Kibar al-Ulama di Arab Saudi mengeluarkan fatwa berkenaan urusan dengan bank konvensional:

“Urusan pemindahan (*transfer*) wang daripada sesuatu bank ke sesuatu bank (yang lain) adalah harus sekalipun dengan bayaran tambahan yang dikenakan oleh bank (konvensional) yang melakukan transaksi *transferring*, kerana lebih yang diambil oleh bank (konvensional) merupakan upah (bukan riba) di atas urusan *transfer* yang dilakukan oleh pihaknya (bank konvensional).”²⁷

Fatwa ini jelas menunjukkan keharusan bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional menggunakan transaksi halal sekalipun keuntungan itu diperoleh oleh institusi haram tersebut.

Shariah Standards 2007 terbitan *Accounting and Auditing Organisation of Islamic Financial Institutions* (AAOIFI), no. 6, perkara

4(b) selepas menyatakan keharusan bermuamalat dengan bank pusat yang konvensional, maka harus juga bermuamalat dengan bank konvensional yang lain sambil menegaskan syarat bahawa muamalat itu mestilah dalam transaksi yang halal:

تصحيح التعامل مع البنوك التقليدية على أساس عدم التعامل بالربا
واستخدام الصيغ المقبولة شرعاً

Terjemahan:

Mesti dipastikan bermuamalat dengan bank konvensional di atas asas tidak bermuamalat dengan riba dan mestilah menggunakan perkataan-perkataan (kontrak) yang diterima oleh syariat²⁸

Dubai Islamic Bank di Emirate juga melakukan transaksi Islam dengan syarikat yang haram, iaitu bank konvensional di Amerika Syarikat, United Kingdom dan juga Switzerland.²⁹

Banyak lagi institusi-institusi kewangan Islam lain yang melakukan transaksi Islam dengan bank-bank riba utama dunia.³⁰

Sekalipun Bank Negara Malaysia di dalam Resolusinya tidak menetapkan secara jelas tentang kebenaran pengambilan dana daripada sumber haram, tetapi dalam masa yang sama mereka menukulkan pandangan Dr. Abbas Ahmad Muhammad al-Baz yang mengharuskan pengambilan deposit daripada sumber yang tidak halal dengan berhujahkan ayat 38-39, surah al-Najm yang diterjemahkan berbunyi: “Dalam kitab itu ditegaskan bahawa sesungguhnya seseorang yang boleh memikul tidak boleh memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosanya akibat usahanya sahaja). Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) yang diusahakannya sahaja.³¹

Isu yang menjadi fokus kepada mereka hanyalah keharusan bermuamalat dengan bank konvensional atau bermuamalat dengan dana yang sumbernya riba. Sekalipun begitu, ia juga merangkumi hukum yang berkait dengan sumber arak, judi dan sumber lain kerana sumber haram yang lain adalah lebih ringan daripada riba. Ini kerana, larangan riba sangat keras berbanding dengan larangan seperti arak, judi dan larangan lain kerana larangan riba sehingga tahap mengisytiharkan

perang, berbeza dengan larangan arak, judi dan seumpamanya. Firman Allah SWT:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ...

Terjemahan:

Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat) ...

(Surah al-Baqarah (2): 279)

Sebenarnya, hujah golongan pertama dalam konteks ini ialah hujah yang sama yang telah dibentang dan dibahaskan dalam fasa pertama. Sebagai tambahan kepada hujah yang dinyatakan dalam fasa pertama, golongan ini melihat harus bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional di dalam transaksi yang halal dengan hujah bahawa Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda bermuamalat dengan Yahudi di Madinah dengan muamalat yang harus dan mereka tidak bertransaksi dengan transaksi yang haram. Sebagaimana diketahui umum, orang Yahudi bermuamalat dengan riba di antara satu sama lain. Di samping itu, Nabi Muhammad SAW juga pernah berhutang dengan Yahudi dan baginda wafat dalam keadaan baju besinya masih lagi berada di tangan Yahudi sebagai gadaian.³² Para sahabat baginda juga bermuamalat dengan musyrikin Mekah dan dengan peniaga-peniaga kafir ketika pergi ke Syam dan Yaman sebelum negara-negara tersebut memeluk Islam.³³

Sebahagiannya pula berhujahkan hajat keperluan dan kesusahan umum (*'umum al-balwa*).³⁴ Ini kerana, pendapatan haram hasil daripada riba yang berlegar dalam pasaran kini amat besar jumlahnya. Jika keseluruhan dana Islam dianggarkan sekitar ratusan bilion dolar Amerika Syarikat (USD), jumlah ini sangat kecil berbanding dengan dana yang beroperasi secara riba yang mencecah puluhan trilion USD. Dengan jumlah yang besar itu, maka wang hasil perbuatan haram itu berlegar dalam pasaran tanpa dapat dikenal pasti dengan jelas yang mana haram dan yang mana halal.³⁵

Sebahagian ulama semasa berpendapat bahawa institusi kewangan Islam tidak harus sama sekali bermuamalat dengan syarikat-syarikat haram, khususnya bank konvensional di dalam semua lapangan.³⁶ Hujah yang dikemukakan oleh golongan ini adalah kerana keterlibatan dengan syarikat yang haram yang kemudian keuntungannya akan kembali semula kepada operasi syarikat tersebut. Ini akan membantu syarikat haram tersebut meneruskan operasinya yang haram.³⁷ Hujah ini adalah sama dengan hujah yang telah dibentangkan dan dibahasakan di dalam fasa pertama.

Keterangan hujah ini adalah sama sebagaimana di dalam huraian pertama. Sebagai tambahan, jawapan kepada hujah ini dari sudut *al-Jami' baina al-Muftariqat* cukup jelas. Iaitu, kenapa muamalat ini diharamkan sedangkan pada masa yang sama Islam mengharuskan menjual keperluan asasi seperti beras, gandum dan sebagainya kepada golongan penyembah berhala? Sedangkan pada hakikatnya, sekiranya umat Islam membekalkan beras kepada mereka bermakna seolah-olah umat Islam membantu penyembah berhala tersebut meneruskan kehidupan dengan melakukan perbuatan syirik dan seterusnya menambahkan dosa syirikinya.

Secara zahir, menjual barangan keperluan hidup kepada penyembah berhala seolah-olah membantu mereka dalam meneruskan perbuatan tersebut. Dalam hal ini, tiada ulama yang berpendapat haram menjual barangan keperluan kepada kafir zimmi sekalipun tanpa ragu mereka ialah penyembah berhala di dalam negara Islam.

Jika dikatakan, sambungan talian hayat hidupnya memungkinkan penyembah berhala tersebut akan menganut Islam pada satu hari nanti. Oleh kerana andaian positif ini mungkin boleh terjadi, maka diharuskan menjual beras dan segala keperluan hidup kepada mereka.

Situasi ini sama seperti umat Islam bertransaksi dengan bank konvensional, berkemungkinan ia akan berubah seratus peratus menjadi perbankan Islam atau sekurang-kurangnya institusi tersebut membuka *window* Islam banking sahaja. Pada masa itu, wang tersebut sama ada menjadi pembantu kepada operasi kewangan Islam atau akan disalurkan kepada badan kebajikan. Ini juga ialah andaian positif yang boleh berlaku.

Tarjih

Pandangan pertama yang menyatakan harus adalah pandangan yang kuat berdasarkan kepada alasan berikut:

- a. Sama seperti pentarjihan dalam dua isu di atas.
- b. Pendapat yang pertama lebih relevan dalam realiti hari ini kerana sekalipun ia bukan dalil utama penghujahan dalam *fiqh* Islam, tetapi ia ialah dalil sampingan (*secondary*). Sabda Nabi Muhammad SAW: “Sesungguhnya aku dibangkitkan dengan agama yang bersifat fitrah dan toleransi”.

Walaupun begitu, sekalipun pendapat yang mengharuskan ialah pendapat yang lebih kuat berbanding dengan pendapat yang tidak mengharuskan, tetapi ia harus dilaksanakan dengan *dhawabit* yang tertentu. Ini kerana, sekalipun sumbangan keuntungan yang masuk ke dalam operasi syarikat yang haram adalah tidak melibatkan institusi kewangan Islam secara kontrak langsung, tetapi sumbangan kepada kelicinan dan pembangunan syarikat yang haram wujud.

Sekalipun tidak secara *qat'i*, larangan dalam ayat kedua surah al-Maidah seolah-olah wujud dalam isu ini. Larangan surah al-Maidah ayat kedua berbunyi: “Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.” Sekalipun sumbangan ini secara tidak langsung dan mempunyai persamaan juga dengan isu keharusan menjual barangan keperluan kepada penyembah berhala, tetapi kedudukan syarikat-syarikat haram dalam konteks hari ini adalah berbeza dengan konteks kedudukan individu penyembah berhala dalam bentuk dominasi.

Apa yang dimaksudkan sebagai dominasi ialah sebahagian syarikat-syarikat haram ini sekalipun tidak semua, tetapi secara sedar atau tidak mereka menguasai sosio-ekonomi umat Islam secara umum. Ini berbeza dengan situasi penyembah berhala atau kafir zimmi di dalam negara Islam yang diharuskan bermuamalat dengan mereka, di mana mereka tidak mendominasi sosioekonomi bahkan juga tidak memberikan kesan kepada sosioekonomi masyarakat umat Islam khususnya dan negara umumnya. Justeru, penerusan hidup mereka dengan membekalkan

barangan keperluan tidak menjejaskan umat Islam, manakala sebahagian syarikat haram pada hari ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan sosioekonomi masyarakat umat Islam dengan pendominasian mereka terhadap masyarakat.

Oleh itu, keharusan bermuamalat dengan syarikat haram di mana keuntungan itu akan masuk semula ke dalam akaun syarikat yang sama adalah keharusan yang tidak mutlak. Tetapi ia mesti dilihat berdasarkan bentuk haram syarikat, operasi haram dan sebagainya. Jika jelas atau terdapat penunjuk yang menunjukkan kesannya kepada masyarakat, maka sayugia ia tidak dibenarkan, bukan kerana zatnya (*li ainihi*), tetapi kerana sebabnya (*li ghairihi*). Ia sama seperti hukum menjual senjata kepada orang kafir, di mana hukum menjual senjata adalah harus, tetapi menjualnya kepada kafir *harbi* adalah haram dan haram itu bukan kerana kafirnya, tetapi kerana sifat *harbi* iaitu menyerang semula umat Islam.

Justeru, beberapa ulama yang mengharuskan muamalat dengan syarikat yang haram juga meletakkan garis kebimbangan ini. Contohnya, Dr. Abbas Ahmad Muhammad al-Baz yang beranggapan harus bermuamalat dengan sumber yang haram meletakkan garisan ini sebagai panduan dan sempadan. Beliau menyebut selepas menerangkan hujah keharusan bermuamalat dengan mereka yang sumber pendapatannya haram: “ini bermakna dosa yang dilakukan oleh seseorang tidak terbeban kepada pihak lain, dan tidak menghalang individu lain bermuamalat dengan mereka. Namun, ada kemungkinan individu lain turut sama dikira berdosa jika dia bersama-sama memainkan peranan atau menjadi penyebab kepada perbuatan haram seseorang.”³⁸

Dari sudut pengaplikasiannya, keterlibatan dengan syarikat-syarikat haram oleh pihak institusi kewangan Islam perlu dinilai dan diluluskan satu persatu, bukan diluluskan secara mutlak sebagaimana realiti dalam fasa pertama. Ini bagi mengenal pasti kedudukan syarikat haram tersebut dari sudut kesannya kepada sosioekonomi umat Islam khususnya, dan sosio ekonomi masyarakat umumnya.

Kesimpulan dan penutup

Berdasarkan kajian dan penelitian berkenaan isu ini, penulis membuat kesimpulan seperti berikut:

1. Hukum bermuamalat dengan individu-individu yang sumber pendapatannya adalah haram dan juga syarikat-syarikat haram adalah perkara *khilafyyah*. *Khilafyyah* ini ialah *khilafyyah* yang muktabar. Justeru, dalil dan sandaran semua golongan ialah sandaran yang kuat.
2. Harus bermuamalat dengan individu-individu yang sumbernya haram adalah lebih kuat berbanding dengan dalil golongan yang tidak membolehkannya. Justeru dalil golongan yang tidak membolehkannya ialah dalil yang umum manakala dalil golongan yang membolehkan adalah dalil yang khusus.
3. Tidak ada perbezaan antara individu dan syarikat dalam konteks hari ini. Justeru syarikat sebenarnya dianggap sebagai satu individu yang diistilahkan sebagai *syakhsun i'tibari*. Justeru, individu atau syarikat tidak menjadi alasan perbezaan dari perspektif fiqh.
4. Isu yang penting dalam perbincangan ini bukan sahaja berlegar di sekitar sumber yang haram, tetapi juga berlegar di sekitar ke manakah keuntungan tersebut akan digunakan. Jika ia pergi kepada individu atau syarikat bagi tujuan umum atau tujuan yang harus, maka dalil kuat menunjukkan ia adalah harus, tanpa mengira ia syarikat atau individu.
5. Jika keuntungan tersebut kembali kepada syarikat yang operasinya haram, maka dalam bab ini perlu dilihat secara lebih terperinci, sama ada ia memberikan kesan kepada sosioekonomi atau tidak.
 - a. Jika tidak memberikan kesan, maka pendapat yang mengharuskan adalah lebih kuat sebagaimana amalan sebahagian besar Institusi kewangan Islam di Timur Tengah.
 - b. Jika ia memberikan kesan, lebih cenderung kepada haram, bukan kerana sumbernya yang haram, tetapi kerana ia termasuk di dalam larangan ayat kedua surah al-Maidah, iaitu menolong di dalam perkara dosa dan permusuhan.

Nota Hujung

1. Imam Ibnu Taimiyyah (1417H), *Tafsir Aayat Usykilat 'ala Kathirin Min Al-Ulama*, Pustaka Ar-Rusyd, hlm 588-593.
2. Ibnu Al-Haadi (2005), *Al-Uqud Ad-Durriyyah Min Mana'iqib Syaikh Al-Islam Ahmad Bin Taimiyyah*, Pustaka Al-Asriyyah, hlm 21-22.
3. Sarahsi, *Al-Mabsut*, Darul Makrifah, Beirut, jil 13, hlm 163; Ibnu Al-Hummam, *Syarh Fathu al-Qadir*, Dar Al-Fikr Beirut, hlm 328-329.
4. Ibnu Rejab Al-Hanbali, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm 192; Al-Mardaawi, *Al-Insaf*, Dar al-Ihya' al-Arabi, Beirut, jil. 6 hlm 208.
5. Al-Baji (1332H), *Al-Muntaqaa Syarh al-Muwatta'* Dar al-Sa'adah, Beirut, jil 4 hlm 22; Ibnu Abdil Al-Barr (2000), *Al-Istizkar al-Jami' Li-Mazahib Fuqaha' Al-Amsar wa Ulama al-Aqtar*, Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 7 hlm 149.
6. Ibid.
7. As-Syirazi, *Al-Muhazzab*, Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah, jil. 1 hlm 486.
8. Mardawi (2003), *Tashih Al-Furu'*, Muassasah Al-Risalah, Dar Al-Muayyid, jil 4 hlm 493-494; Al-Mardaawi, *Al-Insoof*, jil. 6 hlm 208.
9. Al-Mardawi, *Al-Insaf*, jil 6 hlm 208.
10. Ibnu Taimiyyah (2001), *Majmu' Al-Fatawa*, Dar Al-Hadis dan Dar al-Wafa' di Kaherah, jil. 30 hlm 32.
11. Al-Mardawi (2003), hlm 493-494; Al-Mardaawi, *Al-Insaf*, jil. 6 hlm 208.
12. Ibnu Abd Al-Barr, *Al-Istizkar*, jil. 7 hlm 150.
13. Ibnu Taimiyah, *Majmu' Al-Fatawa*, jil. 30 hlm 323.
14. Muhammad Othman Syabir (2001), *Al-Muamalaat Al-Maaliyyah Al-Mu'asirah fi al-Fiqhi Al-Islami*, Dar An-Nafais Jordan, hlm 326.
15. Ayat lain yang membawa maksud yang sama ialah dalam surah al-Isra' 17:15, Faathir 25:18, Al-Zumar 39:7.
16. Hadis sahih, diriwayatkan oleh Imam Muslim, Bab keharusan hadiah kepada Nabi Muhammad SAW, Bani Hasyim dan Bani Mutallib, no. 1786. *Sahih Muslim Syarh Imam Al-Nawawi*, Matbaah Al-Misriyyah, Kaherah.

17. Sa'd Ad-Din Taftaazaani, *Syarh Al-Talwih 'Ala Al-Taudbih li-Matan Al-Tanqih fi Usul Al-Fiqh*, Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 2, hlm 153.
18. Ibid; Ibnu Amir al-Haj (1999), *Al-Taqrir wa al-Tahbir*, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut, jil. 3 hlm 275.
19. Ibid: hlm 153, 155, 156.
20. At-Tabari, Jaami' Al-Bayan 'An Ta'wil Aayi Al-Quran (جامع البيان عن تأويل آي القرآن) تفسير الطبري) jil. 3, hlm 300.
21. Hadis sahih, diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Nu'man bin Basyir, bab mengambil yang halal dan meninggalkan syubhah, no 2996.
22. Yusof Al-Qardhawi, *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, Maktabah Wahbah, Kaherah, hlm 26.
23. Abdul Fattah Ad-Dukhmisi (1996), *Al-Tabqiq Al-Ma'mul li Minhaj al-Usul 'Ala al-Minhaj al-Baidhawi*, Turki Lil-Komputer wa Tiba' al-Ufset, hlm 323.
24. Lihat: Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, terbitan Bank Negara Malaysia, terbitan pertama, Mac 2007, hlm 49.
25. Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat Al-Maliyyah Al-Mu'asirah fi al-Fiqhi al-Islami*, hlm 326.
26. *Al-Fatawa al-Syari'iyah fi al-Masail al-Iqtisadiyyah*, Kuwait Finance House, jil 1 hlm 190-192. Lihat juga: Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat Al-aaliyyah Al-Muaasirah Fi Al-Fiqhi Al-Islami*, hlm 326.
27. Ibid, 327.
28. AAOIFI Shariah Standards 2007, versi bahasa arab, hlm 77.
29. Muhammad Othman Syabir, *Al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah*, hlm 329.
30. Auf Mahmud al-Kufrawi (1407H), *Al-Nuquud Wa Al-Masarif Fi An-Nizam Al-Islami*, Dar Al-Jamiat al-Misriyyah, hlm 159.
31. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, hlm 110.
32. Hadis sahih, riwayat Imam Bukhari, bab apa yang diceritakan tentang baju besi Nabi Muhammad SAW, hadis no. 27000. Sahih Bukhari, *Syarh Fath Al-Bari*, Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, Matbaah Al-Salafiyah, Kaherah.

33. Abdullah Al-Abbadi, *Mauqif al-Syar'iyyah min al-Masarif Al-Islamiyyah Al-Mu'asirah*, Maktabah al-Asriyyah, Beirut.
34. Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat al-Maliyyah al-Mu'asirah fi Al-Fiqh al-Islami*, hlm 326.
35. Lihat, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, hlm 108.
36. Lihat Abdullah Al-Abbadi (1992), *Taqdim al-Ta'at a'la Ukhra aw Tarkiha Nazran li al-Zaman*, Dar Al-Thaqafah, Qatar, hlm 182.
37. Ibid. Lihat juga, Muhammad Othman Syabir, *Al-Muamalat al-Maliyyah al-Muasirah fi al-Fiqhi Al-Islami*, hlm 326.
38. Abbas Ahmad Muhammad al-Baz, *Ahkam al-Maal al-Haram wa dhowaabit al-Intifa' Bihi Fi al-Fiqh Al-Islami*, hlm 232-233.

Rujukan

- AAOIFI Shariah Standards. (2007).
- Abbas Ahmad Muhammad al-Baz. (1998). *Ahkam Al-Mal Al-Haram wa Dawabit al-Intifa' bihi fi Al-Fiqh al-Islami*. Abdul Fattah Ad-Dukhmiisi. (1996). *Al-Tabqiq al-Mamul Li Minhaj al-Usul a'la al-Minhaj al-Baidhawi*. Turki Lil-Komputer Wa Tibaa Al-Ufset.
- Abdullah Al-Abadi. Dr, *Mauqif As-Syariiiah Min Al-Masarif Al-Islaamiyyah Al-Mu'asirah*. Maktabah Al-Asriyyah, Beirut.
- Abdullah Al-Abadi (1992). *Taqdim Al-Ta'at a'la Ukhraa au Tarkiha Nazran Li Al-Zaman*. Dar Al-Thaqafah, Qatar.
- Al-Baaji. (1332H). *Al-Muntaqaa Syarh Al-Muwatta'*. Dar As-Sa'adah, Beirut.
- Al-Mardawi. *Al-Insaf*. Dar al-Ihya' al-Arabi, Beirut.
- Al-Syirazi. *Al-Muhazzab*. Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah, jil 1. Al-Tabari. *Jami' Al-Bayan 'An Ta'wiil Aayi Al-Quran*. Auf Mahmud al-Kufraawi (1407H). *Al-Nuqud wa al-Masarif fi Al-Nizam al-Islami*, Dar Al-Jami'at al-Misriyyah. Ibnu Abdil Al-Barr(2000), *Al-Istizkar al-Jami' li-Mazahib Fuqaha' al-Amsar wa Ulama* al-Aqtar. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut. Ibnu Al-Haadi (2005). *Al-Uqud Al-Durriyyah Min Manaqib Syaikh al-Islam Ahmad Bin Taimiyyah*. Pustaka Al-Asriyyah, tahun..
- Ibnu Al-Hummam. *Syarh Fathu Al-Qadi* . Dar Al-Fikr Beirut.
- Ibnu Amir Al-Haaj Al-Halabi (1999). *Al-Taqrir wa Al-Tabbir*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Ibnu Rejab Al-Hambali. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibnu Taymiyyah (2001). *Majmu' Al-Fatawa*. Dar al-Hadis dan Dar al-Wafa', Kaherah.
- Imam Ibnu Taymiyyah. (1417H). *Tafsir Ayat Usykilat 'Ala Kathirin Min Al-Ulama*. Pustaka Ar-Rusyd. Kuwait Finance House. (2003) *Al-Fatawa al-Syar'iyyah fi al-Masail al-Iqtisadiyyah*. Mardawi (2003). *Tashih Al-Furu'*. Muassasah Al-Risalah, Dar Al-Muayyi. Muhammad Othman Syabir. (2001). *Al-Muamalaat Al-Maaliyyah Al-Mua'sirah Fi Al-Fiqhi Al-Islami*. Dar Al-Nafais Jordan. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam* (Mac 2007). Bank Negara Malaysia, Sa'd ad-Din Taftaazaani. (1997). *Syarh Al-Tahwih 'Ala At-Taudhib Li-Matan An-Tanqih Fi Usul Al-Fiqh*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.



Sarakhsi. *Al-Mabsut*. Darul Makrifah, Beirut, jil. 13. Yusuf Al-Qardhawi. (2000). *Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam*. Maktabah Wahbah, Kaheerah. Zaharudin Muhammad. (2005) *Maqasid As-Syariiab Fi Zakat Al-Ma'adin*. Universiti Kaheerah, Mesir.

